

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan rekabentuk kajian, persampelan, instrumen kajian, kajian rintis, prosedur pengumpulan data dan penganalisan data.

3.2 Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan deskriptif menggunakan soal selidik. Cara ini dipilih kerana banyak sampel yang boleh diambil berbanding dengan kaedah lain. Kajian jenis ini juga adalah sesuai untuk mengukur atau menilai sikap (Gay, 1985). Dalam kajian ini pengkaji ingin mengetahui dan mengenalpasti sikap serta persepsi guru terhadap mata pelajaran pendidikan jasmani, masalah-masalah dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan jasmani, kaedah dan strategi mengajar yang digunakan oleh guru dan menilai pencapaian objektif pendidikan jasmani.

3.3 Persampelan

Seramai 105 orang guru sekolah menengah yang mengajar mata pelajaran pendidikan jasmani tingkatan empat dari tiga buah daerah di Kelantan telah dipilih sebagai sampel kajian. Daerah tersebut terdiri dari daerah Kuala Krai, daerah Pasir Mas/Tumpat dan daerah Pasir Puteh/ Machang. Tiga daerah ini adalah mewakili negeri Kelantan, jadi ianya boleh digeneralisasikan kepada negeri Kelantan. Manakala sebanyak 15 buah sekolah telah dipilih dalam kajian ini. Guru yang dipilih adalah berjawatan tetap dan berpengalaman mengajar pendidikan jasmani sekurang-kurangnya setahun.

3.3.1 Proses Persampelan Melalui Tiga Peringkat

Peringkat Pertama :


Tiga buah daerah yang terletak di negeri Kelantan telah dipilih secara rawak sebagai lokasi kajian.

Peringkat Kedua :

Sebanyak lima buah sekolah menengah dari setiap daerah telah dipilih sekali lagi secara rawak sebagai tempat kajian. Jumlah keseluruhan sekolah yang dipilih ialah sebanyak 15 buah sekolah menengah (*Lihat Lampiran H*).

Peringkat Ketiga :

Seramai 105 orang guru yang mengajar pendidikan jasmani tingkatan empat dari 15 buah sekolah telah dipilih secara rawak sebagai subjek kajian.



Rajah 1 : Proses Pemilihan Sampel Secara Strata

3.1 Instrumen Kajian

Penyelidik menggunakan soal selidik yang sedia ada. Soal selidik ini diambil dari kajian lepas dengan memohon kebenaran dari tuan hak ke atas soalan-soalan ini (*rujuk lampiran*). Susunan soal selidik diubah mengikut kesesuaian dan kehendak penyelidik. Item-item daripada soal selidik yang tidak perlu adalah dibuang, supaya ianya tidak mengganggu keputusan kajian. Menurut Gay (1985), soal selidik merupakan cara yang praktikal dan sesuai untuk kajian bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan kerana ianya senang untuk memperolehi ramai responden berbanding dengan kaedah temubual.

Soal selidik ini terbahagi kepada lima bahagian (Lihat lampiran F) yang mengandungi 49 item, iaitu :-

Bahagian A

Bahagian ini mengandungi 10 item berkenaan dengan latar belakang guru yang mengajar pendidikan jasmani.

Bahagian B

Bahagian ini pula mengandungi enam item berkenaan dengan pencapaian matlamat dan objektif pendidikan jasmani dalam bentuk Skala Likert empat poin, di mana nilai 1 = tidak tercapai sama sekali, 2 = tercapai sebahagian kecil, 3 = tercapai sebahagian besar dan 4 = tercapai sepenuhnya.

Bahagian C

Bahagian ini mengandungi 10 item tentang kaedah mengajar pendidikan jasmani, juga dalam bentuk Skala Likert empat poin, di mana nilai 1 = tidak pernah, 2 = kadang-kadang, 3 = kerap dan 4 = sangat kerap.

Bahagian D

Bahagian ini pula mengandungi 15 item mengenai masalah dan halangan dalam melaksanakan pengajaran pendidikan jasmani, juga dalam bentuk Skala Likert empat poin, di mana nilai 1 = tidak bermasalah, 2 = bermasalah sedikit, 3 = bermasalah dan 4 = amat bermasalah.

Bahagian E

Bahagian ini mengandungi lapan item mengenai persepsi guru terhadap subjek pendidikan jasmani dalam bentuk Skala Likert lima poin, di mana bagi pernyataan positif, nilai 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = tidak pasti, 4 = setuju dan 5 = sangat setuju. Manakala bagi pernyataan negatif, adalah sebaliknya, iaitu nilai 1 = sangat setuju, 2 = setuju, 3 = tidak pasti, 4 = tidak setuju dan 5 = sangat tidak setuju.

Skala Likert dipilih memandangkan ia membolehkan pengumpulan maklumat tentang darjah persetujuan responden terhadap tiap-tiap item yang digunakan. Skala Likert juga dikatakan mempunyai darjah kebolehpercayaan yang lebih tinggi, ianya mempunyai kelebihan berbanding dengan skala lain seperti skala Thurstone, Skala

Guttman dan 'skala sikap paksa-pilih' (forced-choice attitude scale) (Morser & Kalton, 1977).

3.5 Kajian Rintis

Satu kajian rintis telah dijalankan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Soal selidik tersebut ditadbirkan kepada sekumpulan responden yang mempunyai ciri yang sama dengan populasi sebenar. Seramai 20 orang guru yang mengajar mata pelajaran pendidikan jasmani tingkatan empat telah dipilih dari Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Yahya Petra 2, Kuala Krai. Jumlah tersebut adalah cukup untuk analisa kesahan luaran.

Beberapa item dalam soal selidik yang menyebabkan nilai pekali kebolehpercayaan rendah diperbaiki dan juga disingkirkan dari instrumen kajian. Item-item tersebut adalah tidak sesuai kerana ia mengelirukan serta memberi persepsi yang berbeza di antara sampel yang berlainan. Ayat dan struktur item telah diubahsuai supaya ianya difahami oleh sampel dan memberi makna yang lebih tepat. Soal selidik yang telah siap diubah dan disusun tadi diuji kepada sampel berkenaan. Sampel tersebut dapat menjawab soalan tersebut tanpa keraguan. '*Cronbach Alpha*' digunakan untuk menguji ketekalan dalaman terhadap soalan-soalan yang dibina. Hasil dari kajian ini didapati nilai pekali kebolehpercayaan adalah 0.9681. Ini menunjukkan soal selidik tersebut mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai digunakan untuk kajian.

Jadual 3.5.1 : Nilai Pekali Kebolehpercayaan `Alpha Cronbach`

Bil	Dimensi	Bil. Soalan	`Alpha Cronbach`
1.	Matlamat dan objektif kurikulum PJ	6	0.9684
2.	Kaedah dan strategi mengajar PJ	10	0.9680
3.	Masalah pelaksanaan kurikulum PJ	15	0.9672
4.	Persepsi guru terhadap subjek PJ	8	0.9688
	JUMLAH / PURATA	39	0.9681

Hashim Othman (1989), menyatakan kajian rintis bertujuan untuk memastikan setiap perkataan yang digunakan dalam soal selidik mempunyai maklumat yang tepat, makna yang jelas dan lengkap untuk dijadikan alat kajian. Menurut Mohd. Majid Konting (1990), pekali kebolehpercayaan yang bernilai sekurang-kurangnya 0.60 adalah sebagai asas menentukan nilai kebolehpercayaan soal selidik yang digunakan dalam kajian.

3.6 Prosedur Pengumpulan Data

Penyelidik menggunakan wakil untuk mentadbir soal selidik. Setiap sekolah dilantik seorang wakil yang diberi tanggungjawab dan boleh dipercayai. Wakil tersebut terdiri daripada seorang guru dari sekolah berkenaan. Terdapat seramai 15 orang wakil dari 15 buah sekolah. Satu perjumpaan dan taklimat terlebih dahulu diberikan kepada wakil-wakil tersebut bagi memudahkan urusan pentadbiran soal selidik.

Proses untuk mendapatkan data dijalankan peringkat demi peringkat supaya pengurusannya lebih tersusun dan teratur. Bagi menjalankan kajian yang berkesan serta melicinkan proses penyelidikan, peringkat pertama, penyelidik memohon kebenaran secara rasmi dan bertulis daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia melalui pihak Universiti Malaya.

Setelah mendapat kelulusan dan kebenaran daripada pihak kementerian, penyelidik juga perlu mendapat surat kebenaran menjalankan kajian tersebut dari Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan pengetua sekolah berkenaan. Setelah kesemua pihak memberi kebenaran dan bersetuju dengan kajian tersebut, maka penyelidik membuat satu ketetapan yang berkaitan dengan hari, masa dan tempat kajian dengan pihak sekolah untuk menjalankan kajian tersebut.

Pada peringkat seterusnya, sampel dikumpul di dalam satu bilik dan penerangan lanjut diberikan oleh wakil penyelidik tentang prosedur menjawab soal selidik seperti keikhlasan dan kejujuran dalam menjawab soalan, di samping menjelaskan nama, maklumat dan jawapan sampel adalah rahsia terutama kepada pengetua dan guru lain. Masa yang diberikan untuk menjawab soalan adalah selama 15 minit. Pengawasan dan pendedaran soal selidik adalah dilakukan sendiri oleh wakil penyelidik, sampel tidak dibenarkan berbincang atau meniru di antara satu sama lain.

3.7 Penganalisaan Data

Satu buku kod telah dibina untuk mempercepatkan tugas penganalisaan data (*lihat lampiran*). Semua data daripada soal selidik tersebut dimasukkan dan diproses dengan menggunakan perisian `SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*) for window` versi 11.5. Alat statistik yang akan digunakan untuk analisa data ialah statistik deskriptif yang menggunakan min, kekerapan dan peratusan. Statistik ini digunakan untuk menjawab soalan kajian i, ii, iii dan iv, dalam bab 1, bahagian 1.3, persoalan kajian.

Bagi analisis bahagian D, pengkaji menggabungkan “amat bermasalah” dan “bermasalah” kepada satu kategori sahaja, iaitu “bermasalah”, manakala “tidak bermasalah” dan “bermasalah sedikit” juga digabungkan kepada “tidak bermasalah”. Begitu juga dengan bahagian E, pengkaji menggabungkan “sangat setuju” dan “setuju” kepada satu kategori, iaitu “setuju”, manakala “sangat tidak setuju” dan “tidak setuju” juga digabungkan kepada satu kategori, iaitu “tidak setuju” bagi memudahkan penyelidik menganalisa dapatan kajian.

Pemarkahan positif dan negatif disediakan dalam menganalisis data untuk Bahagian E adalah seperti dalam jadual 3.7.1 di bawah.

Jadual 3.7.1 : Nilai Bagi Skor Pemarkahan Positif dan Negatif

Jenis Item	Skor Pemarkahan				
	SS	S	TP	TS	STS
Pernyataan Positif	5	4	3	2	1
Pernyataan Negatif	1	2	3	4	5

Petunjuk :

SS	=	Sangat Setuju
S	=	Setuju
TP	=	Tidak Pasti
TS	=	Tidak Setuju
STS	=	Sangat Tidak Setuju

Pernyataan positif bagi nilai 1 membawa makna “sangat tidak setuju”, nilai 2 adalah “tidak setuju”, nilai 3 pula bagi “tidak pasti”, nilai 4 untuk “setuju” dan nilai 5 membawa erti “sangat setuju”. Manakala bagi pernyataan negatif adalah sebaliknya, iaitu nilai 1 membawa makna “sangat setuju”, nilai 2 adalah “setuju”, nilai 3 pula bagi “tidak pasti”, nilai 4 untuk “tidak setuju” dan nilai 5 membawa erti “sangat tidak setuju”.

Jadual 3.7.2 : Nombor Soalan Bagi Pernyataan Positif dan Negatif

Dimensi	Item Negatif (-)	Item Positif (+)	Jumlah
Persepsi Guru Terhadap Pendidikan Jasmani	3, 4, 5, 7, 8,	1, 2, 6	8

3.8 Kesimpulan

Kaedah yang digunakan di dalam kajian ini dapat menentukan pencapaian objektif, strategi, masalah dan persepsi guru terhadap mata pelajaran pendidikan jasmani. Prosedur dan soal selidik yang dijalankan dapat membantu penyelidik menganalisa skor yang dijawab oleh sampel. Keikhlasan dan kejujuran sampel menjawab soalan dapat menentukan kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi terhadap kajian ini.